

Ulasan Buku Penyelidikan Forum Komunikasi: Strategi dan Sumber

Oleh:

Zulkifli Abd Latiff

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media

Universiti Teknologi MARA

Ada hal-hal yang cukup menarik dalam pemikiran penulis sewaktu membaca buku, *Penyelidikan Komunikasi: Strategi dan Sumber* karya asal Rebecca B. Rubin, Alan M. Rubin dan Linda J. Piele terjemahan oleh Mokhtar Muhammad, terbitan terjemahan oleh Unit Penerbitan Akademik (UPENA), UiTM. Pengarangnya mendedahkan kaedah-kaedah penyelidikan dan sumber-sumber maklumat yang berkaitan dalam bidang ini kepada para pelajar. Fokusnya juga menyentuh mengenai strategi yang terlibat dalam pemikiran, penapisan, untuk memilih tajuk yang sesuai dan membuat penyelidikan mengenainya.

Pengarang memilih teraju utama mengenai penyelidikan seperti strategi penyelidikan komunikasi, sumber penyelidikan komunikasi dan proses-proses penyelidikan komunikasi. Pembahagian ini sejajar dengan tahap proses pemahaman dalam penyelidikan kerana buku ini menerangkan tatacara penyelidikan, kajian dan pelbagai tahap komunikasi yang perlu diketahui dan ini akan memudahkan pengajar memilih cara yang terbaik dari pelbagai sumber komunikasi seperti Kebebasan Berucap, Undang-undang Media, Komunikasi dalam Organisasi, Kewartawanan Penyiasatan, Komunikasi Bersemuka dan Penyelidikan Media.

Peringkat awalan buku ini atau Bahagian Pertama, pengarang menyarankan kepentingan memahami dalam mempelajari komunikasi. Kata mereka, "Pengkaji komunikasi mengkaji proses-proses yang menghasilkan maksud dan hakiki sosial. Pengkaji menganalisis arah aliran maklumat dan pertukaran mesej antara individu dalam berbagai-bagai konteks" (halaman 14). Aliran maklumat ini semuanya akan menghasilkan suatu kebenaran dari apa yang hendak dicari. Idris Awang menyatakan tujuan utama penyelidikan adalah untuk menghasilkan kebenaran, walaupun bertentangan dengan sentimen dan cita rasa penyelidik itu sendiri. (Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan, halaman 5).

Selanjutnya dalam Bahagian Kedua pula, mereka menjelaskan bahawa mencari bahan-bahan rujukan komunikasi tidak banyak berbeza dengan penyelidikan bidang lain. "Paling penting ialah memulakannya awal supaya anda mempunyai banyak masa untuk menyempurnakan carian susastera yang sempurna dan sistematik" (halaman 17). Jadi adalah amat baik jika penyelidik memulakan kajian dengan meneliti sumber-sumber am seperti ensiklopedia, laporan tahunan, buku-buku panduan, bibliografi, buku-buku indeks dan abstrak, dan akhirnya kajian ini boleh disudahi dengan meneliti artikel-artikel jurnal yang asli, buku-buku atau media.

Menyentuh mengenai penggunaan komputer bagi memperolehi maklumat dalam penyelidikan pula, pengarang dengan jelas menerangkan begitu banyak bahan dapat diperolehi dengan hanya menggunakan peralatan ini baik secara "off-line" ataupun "on-line". Pendapat ini sememangnya tidak dapat disangkal lagi kerana ramai penyelidik hari ini merasakan kehidupan mereka tidak lagi sempurna tanpa internet. "Penyelidik perlu memahami konsep asas penyelidikan dan berkemampuan dalam mengawal senarai kata, teks bebas, bidang penyelidikan itu sendiri secara khusus, indeks perkataan dan frasa dan pengawalan operator secara logic sebelum dapat menggunakan pangkalan data berkomputer secara berkesan" (halaman 58).

Dalam Bahagian Ketiga, mereka menerangkan bagaimana mencipta dan mengawal perjalanan penyelidikan dan bagaimana melengkapkan ulasan bahan bacaan dan projek-projek lain. Antaranya fokus kepada prosedur yang sistematik untuk melakukan penyelidikan. "Contohnya jika kita menggunakan kaedah pemerhatian kita akan menjalankan pemerhatian kesegeraan bukan-lisan di dalam bilik darjah yang terpilih dengan cara yang sistematis" (halaman 186).

Selanjutnya penumpuan juga diberikan kepada asas prinsip-prinsip penulisan, membentuk gaya dan penyuntingan kapi. Garis panduan untuk penulisan yang berkesan dibicarakan dengan begitu terperinci bagi memudahkan pemahaman audien buku ini. Keterperinician ini diperkuatkan lagi dengan format-format yang terdapat dalam penulisan. "Gaya Modern Language Association (MLA), Kate Turabian dan University of Chicago adalah gaya-gaya yang biasa digunakan bagi penulisan dalam bidang kemanusiaan dan sains kemasyarakatan" (halaman 221).

Memperkatakan proses penyelidikan untuk melihat keputusan-keputusan dan pilihan yang dibuat oleh penyelidik dalam bab akhir, pengarang banyak memberi tunjuk ajar kaedah mana proses memberikan konsep, kajian komputer, model, soal selidik, prosidur, analisis, epilog dan rujukan. Ini adalah hasil penjelasan cara penyelidikan yang dijalankan oleh pengarang sendiri dan dijadikan panduan kepada audien dalam memikirkan kesesuaian kaedah atau cara yang boleh diaplikasikan dalam penyelidikan yang bakal dijalankan.

Sebagai tips kepada bakal penyelidik, buku ini juga menjelaskan Asas Gaya APA (American Psychological Association) dalam penyelidikan. Dalam penentuan gaya penerbitan sesebuah penyelidikan lazimnya terpulang kepada penyelia ataupun kehendak sesebuah universiti. Namun, apa yang penting ialah memperbanyakkan penyelidikan akan menghasilkan penemuan-penemuan baru yang akan ditatapi oleh generasi akan datang.

Persoalan keilmuan penyelidikan yang diungkapkan oleh pengarang buku ini sebenarnya amat bermanfaat kepada bakal-bakal penyelidik bidang komunikasi. Buku ini juga merupakan bahan yang cukup baik untuk memulakan tradisi penyelidikan. Pada penulis, buku ini cukup bernilai dan dapat dijadikan pegangan untuk seseorang menjadi ilmuwan penyelidikan dalam bidang komunikasi.